

# UPM, ISU tingkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang akademik

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) akan meningkatkan kerjasama dengan Iowa State University (ISU), Amerika Syarikat menerusi memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani, baru-baru ini.

Kerjasama yang bakal diterajui Institut Gerontologi UPM itu meliputi bidang penyelidikan, pertukaran pelajar, kerjasama pentadbiran serta pengukuhan program sedia ada di antara kedua-dua universiti berkenaan.

Upacara menandatangani MoU disempurnakan Timbalan

Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof Dr Abu Bakar Salleh, manakala ISU diwakili Presidennya, Prof Dr Gregory L Geoffroy dengan disaksikan Pengarah Institut Gerontologi UPM, Prof Madya Dr Tengku Aizan Hamid dan Prof Madya John Kong Fah Wang dari Kolej Perniagaan ISU.

ISU adalah antara universiti terkenal dalam bidang penyelidikan di Amerika Syarikat dan tersenarai sebagai 50 universiti terbaik dunia.

IA mempunyai kepakaran dalam bidang pertanian,

perubatan veterinar, landskap, reka bentuk dan seni bina, perniagaan dan ekonomi, sains kemanusiaan serta kejuruteraan.

Antara kegiatan UPM-ISU yang dilaksanakan setakat ini adalah lawatan pen-syarah UPM ke Kolej Sains Kemanusiaan ISU, program pertukaran pelajar Kolej Sains Kemanusiaan, ISU dengan Fakulti Ekologi UPM, lawatan pelajar ISU ke Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina UPM serta kerjasama penyelidikan dan penerbitan.



ABU BAKAR (kiri) bertukar dokumen dengan Gregory pada majlis menandatangani MoU di UPM, Serdang, baru-baru ini.